KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	19/11/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	46
JABATAN	:	TNB			

TNB mahu labur RM22b bina grid masa depan

Langkah sediakan sistem berdaya tahan penuhi keperluan peralihan tenaga

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) merancang untuk melabur sebanyak RM22 bilion bagi tempoh 2022 hingga 2024 untuk terus membangunkan grid nasional masa depan.

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Ali Biju, berkata pelaburan yang tertakluk kepada kelulusan kerajaan itu adalah di bawah mekanisme Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) bagi menjadikan ia sebagai pemboleh utama peralihan tenaga negara.

"Ini akan dilaksanakan dengan menghubungkan keseluruhan rantaian nilai daripada penjanaan kepada penghantaran dan pembahagian sehingga ke premis pelanggan.

"Pelanggan sudah pun menikmati grid masa depan sejak beberapa tahun lalu melalui pelaburan modal TNB dan di bawah IBR," katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Pembelajaran dan Pembangunan (ICLAD2021) di Kuala Lumpur.



Ali Biju

Ali berkata, TNB menunjukkan perkembangan ketara dalam menggabungkan kelestarian dalam rangkaiannya menerusi pemodenan grid nasional.

"TNB mencapai kemajuan besar dalam persediaan menuju peralihan tenaga dengan memperkenalkan inisiatif Reimagining TNB pada 2016. Inisiatif strategik ini adalah langkah penting ke arah melaksanakan kelestarian," katanya.

Menyedari komitmen TNB untuk terus mengutamakan pelaburan dalam memodenkan grid nasional ke arah Grid Masa Hadapan, beliau berkata, langkah itu dapat mewujudkan sistem grid yang kekal berdaya harap, berdaya tahan, pintar dengan teknologi digital, di samping fleksibel dalam memenuhi keperluan negara untuk peralihan tenaga.

"Dalam memenuhi keperluan ini, pulangan munasabah adalah penting bagi TNB untuk mengekalkan perbelanjaan modal yang diperlukan," katanya.

Ali menjelaskan, dalam menyokong matlamat negara untuk beralih daripada menggunakan bahan api kepada 31 peratus tenaga boleh diperbaharui (RE) menjelang 2025, grid nasional mesti bersedia menerima RE untuk menyokong aliran tenaga dua hala dinamik, sambil mengekalkan kestabilan voltan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Kawalselia & Pengurusan Pemegang Taruh TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, berkata syarikat utiliti negara itu terus komited untuk melabur ke arah peralihan tenaga, selaras usaha menyediakan sokongan ekonomi kepada kerajaan.

Katanya, sasaran TNB ialah untuk meningkatkan kecekapan industri dan menambah baik pengalaman pelanggan, selain menggalakkan penggunaan tenaga hijau untuk mengimbangi keupayaan dan keselamatan sistem grid Malaysia.

"Isu perubahan iklim menjadi keutamaan utama pelaburan TNB ,di samping menyokong dan merangsang agenda pemulihan ekonomi negara.

"Melalui usaha kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan di negara ini, TNB juga bersedia untuk menerajui peralihan Malaysia kepada mobiliti rendah karbon, terutama melalui teknologi Kenderaan Elektrik Bateri (BEV)," katanya.